

MediaTitle	Berita Harian	Language	Malay
Date	02 Dec 2016	Readership	947,000
Circulation	125,514	Color	Full Color
Section	Nasional	ArticleSize	568 cm ²
Page No	10	PR Value	RM 58,738
AdValue	RM 19,579		



PERHIMPUNAN AGUNG UMNO

Perlu promosi perjuangan tegak syiar Islam

DARI KACA MATA

➔ **Azmul Fahimi Kamaruzaman**
Ketua Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)



Perhimpunan Agung UMNO (PAU) yang berlangsung minggu ini adalah peluang terbaik kepada kepemimpinan, perwakilan, pemerhati dan pembahas ucapan dasar Presiden serta usul untuk mengetengahkan pencapaian Islam sebagai agama Persekutuan di Malaysia yang diterajui UMNO sejak 59 tahun lalu.

Tidak syak lagi, UMNO adalah parti teras dalam Barisan Nasional (BN) yang mencorakkan pelbagai dasar negara berkaitan Islam. Dewan Merdeka Pusat Dangan Dunia Putra (PWTC) menjadi saksi banyak dasar dan polisi berkaitan Islam dicetus dan dicorakkan UMNO ketika berlangsung PAU saban tahun.

Pelaksanaan program pendidikan Islam Jawi, al-Quran, bahasa Arab dan Fardu Ain (Jqaf) di Sekolah Kebangsaan, penubuhan Majlis Halal Negara, pemerkasaan Mahkamah Syariah, pembendungan ekstremisme agama, penerapan Maqasid Syariah dalam pentadbiran negara dan pelaksanaan Indeks Syariah jadi contoh dan bukti klasik betapa UMNO mengasaskan satu landasan perjuangan Islam yang kukuh.

Semua pencapaian itu juga me-

ngambil kira jumlah peruntukan

besar kerajaan setiap tahun kepada agenda pembangunan Islam. Sebagai contoh, peruntukan elaun kepada imam dan guru Kelas Agama dan Fardu Ain (KAFA) sentiasa meningkat. Ini menunjukkan kerajaan serius menyediakan prasarana dan inisiatif pintar demi memartabatkan syiar dan syariat Islam.

Peradaban ummah

Usaha ditunjukkan kerajaan diterajui UMNO ini bertolak daripada kenyataan bahawa manhaj perjuangan parti siasah yang diasaskan sejak 1946 itu tidak hanya menumpukan kepada dimensi politik semata-mata, bahkan melangkaui kepada usaha membangunkan peradaban ummah bercirikan manhaj atau pendekatan Malaysia.

Manhaj dipelopori UMNO ini bermula sejak penubuhan pada 11 Mei 1946 apabila Fasal 3 dalam Perlembagaan UMNO dengan jelas mencatatkan bahawa Islam perlu ditegak, dipertahan dan dikembangkan. Penyataan ini menunjukkan perjuangan Islam dipelopori UMNO bukan satu omongan, retorik dan simbol tetapi pelaksanaan objektif dan realistik.

Pelaksanaan Islam manhaj Malaysia berasaskan tiga aspek utama. Pertama berpegang kepada fahaman akidah ahli sunnah wal jamaah, penghayatan prinsip wasatiyyah atau kesederhanaan dan mematuhi Maqasid Syariah dan rangkumi lima prinsip utama iaitu agama, akal, nyawa, keturunan dan harta.

Fahami perjuangan Islam

Pelaksanaan ini juga menunjukkan kerajaan diterajui UMNO ti-

Headline	Perlu promosi perjuangan tegak syiar Islam		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	02 Dec 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	10	ArticleSize	568 cm ²
AdValue	RM 19,579	PR Value	RM 58,738

dak pernah menolak perjuangan Islam. Malah, menjadikannya sebagai satu agenda dalam pembangunan negara. Apa yang jelas, perjuangan Islam perlu didefinisi dan difahami secara holistik dalam semua aspek kehidupan serta tidak terikat kepada kefahaman dimensi sempit politik seperti polemik negara Islam, hudud dan permainan politik akidah yang sebenarnya mencetuskan perpecahan ummah.

Holistik bermakna menyeluruh. Mencakupi aspek pendidikan, politik, pentadbiran, sosial, ekonomi, perundangan, sains dan teknologi. Semua aspek inilah yang menyumbang kepada pembentukan peradaban mengikut acuan, nilai, akal budi dan jati diri Melayu-Islam yang sedia ada iaitu sejarah, falsafah, bahasa dan kesusasteraan.

Perlu juga difahami bahawa UMNO adalah parti teras. Kejayaan agenda Islam di Malaysia ditentukan oleh kekuatan dan kuasa pada parti teras Melayu yang beragama Islam. Jika teras terancam, maka Islam turut terancam. Ibn Khaldun mengisyaratkan dengan jelas dalam karyanya *Muqaddimah* bahawa kekuatan sesuatu tamadun diukur berasaskan kesepaduan dan kejayaan bangsa teras atau induk dalam menentukan survival mereka.

Oleh yang demikian, UMNO perlu mempromosi dan meyakinkan rakyat bahawa bangsa teras atau induk Melayu di Malaysia ini wajib terus dipertahan melalui wadah UMNO demi kelangsungan dan survival Islam. Promosi tentang pencapaian UMNO mendaulatkan Islam bukan sahaja berterusan, malah perlu dipergiatkan agar rakyat memahami dan meyakini fakta dan bukti betapa perjuangan Is-

lam ini dipelopori UMNO sejak dulu, kini dan selamanya.

Menjadi satu stigma umum bahawa apa sahaja pelaksanaan Islam diterajui UMNO dianggap enteng, picisan, dipandang rendah dan tidak mewakili pendirian Islam sebenar berasaskan al-Quran dan al-Sunnah. Namun, bukanlah itu satu usaha ijtihad kerajaan dan kreativiti bagi melestarikan pelaksanaan Islam dalam konteks masyarakat berbilang kaum dan agama? Islam tidak boleh dilihat hanya dalam slogan dan bentuk luarnya. Islam perlu ditanggapi dengan makna, praktikal dan hakikatnya.

Memajukan negara bukan mudah. Kebijaksanaan diperlukan untuk menyelesaikan semua perkara dengan betul dan tepat. Demikian juga pelaksanaan Islam di Malaysia tidak semudah mengungkapkannya secara retorik kepartian.

Sejak mentadbir negara selama 59 tahun, kita perlu akui UMNO juga ada kelemahan. UMNO tidak pernah sunyi mengalami krisis politik, kepercayaan dan serangan keganasan persepsi, terutama yang melibatkan kepemimpinannya. Apa yang pasti, ruang kelemahan yang ada perlu sentiasa dipenuhi dan ditampung secara berterusan.

Kunci sebenar kejayaan yang perlu diterapkan dalam UMNO adalah nilai kesetiaan kepada parti dan perjuangan. Ini asas dan proses pentarbiyahan yang mesti digerakkan secara menyeluruh pada setiap peringkat kepemimpinan parti jika UMNO ingin terus mencapai kelangsungan dalam politik negara.

Belajarlah daripada sejarah kejatuhan empayar Melaka pada 1511. Jangan dibiarkan episod sama berulang.

Penentang UMNO guna pelbagai cara untuk menjatuhkan parti teras Barisan Nasional (BN) itu. Terbaru, sebuah penerbitan menyiarkan tulisan penulis asing dan bukan Melayu memburukkan UMNO. Ikuti pendedahan **Felo Utama Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM) dan Pengarah Pusat Kajian Politik Malaysia (MAPAN), Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr Kamarul Zaman Yusoff**, mengenai agenda jahat itu, esok.

Semua pencapaian itu juga mengambil kira jumlah peruntukan besar kerajaan setiap tahun kepada agenda pembangunan Islam”

Perjuangan Islam perlu didefinisi dan difahami secara holistik dalam semua aspek kehidupan serta tidak terikat kepada kefahaman dimensi sempit”

Kejayaan agenda Islam di Malaysia ditentukan oleh kekuatan dan kuasa pada parti teras Melayu yang beragama Islam. Jika teras terancam, maka Islam turut terancam”